



PEDULI INSAN
PERTUBUHAN PEDULI INSAH MALAYSIA
PPM-028-10-29022018

الأربعونية في أحكام الأضحية

40 PEDOMAN *Hukum-Hakam* KORBAN



Susunan :

**UNIT PENYELIDIKAN & KAJIAN SYARIAH
PERTUBUHAN PEDULI INSAH MALAYSIA**

الأربعونية في أحكام الأضحية

40 PEDOMAN
Hukum-Hukum
KORBAN

Susunan :

**UNIT PENYELIDIKAN & KAJIAN SYARIAH
PERTUBUHAN PEDULI INSAN MALAYSIA**



PENDAHULUAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،

Ibadah qurban adalah cabang dari amalan sedekah. Ia bermula dengan pemilik haiwan memilih dan mengasingkan haiwan miliknya, lalu menyembelihnya pada hari raya qurban. Atau peserta qurban mengeluarkan wangnya untuk membeli haiwan ternakan atau membeli bahagian haiwan qurban. Setelah haiwan qurban disembelih, dagingnya diagih-agihkan kepada orang ramai. Ia merupakan salah satu sunnah yang sering diamalkan oleh Rasulullah s.a.w pada setiap kali tibanya Aidil Adha.

Sekurang-kurangnya, ibadah qurban dapat mengajar manusia dua perkara.

Pertama, sedekah melalui qurban melatih manusia melonggarkan keterikatan jiwa terhadap harta dan dunia serta meningkatkan keyakinan terhadap *fadhilat* bersedekah di sisi Allah.

Kedua, agihan daging qurban dapat memupuk rasa ihsan terhadap fakir dan miskin, mengeratkan persaudaraan Islam sesama jiran dan rakan serta mempertaut silaturrahim sesama sanak saudara.

Pada musim qurban yang lalu, pihak Penyelidikan Syariah Peduli Insan telah menerima beberapa soalan berkaitan ibadah qurban dari pihak penderma melalui Unit Khidmat Pelanggan dan rakan-rakan lain dari Pertubuhan Peduli Insan. Setelah beberapa kali diajukan kemusykilan tentang isu-isu ibadah qurban, pihak kami terfikir untuk menerbitkan himpunan soal dan jawab berkaitan isu-isu ibadah qurban yang

dirasakan perlu dan relevan untuk diketahui oleh masyarakat tempatan. Soal jawab ini, sebahagian kecilnya adalah datang dari para penderma dan selebihnya diveduk dari kitab, buku dan laman sesawang hukum dan fatwa. Catatan kecil ini diberi judul *Al-Arba`uniyyah Fi Ahkam Al-Udhiyyah* yang berkaitan dengan *40 Pedoman Hukum Hakam Qurban* yang berasaskan teori hukum dan realiti kehidupan.

Menerusi catatan ini, kami berusaha memberikan penjelasan hukum dengan uslub yang mudah, dengan iringan dalil syarak dan kupasan para ulama muktabar secara ringkas sebagai justifikasi kepada huraian.

Semoga catatan kecil ini diterima oleh Allah sebagai amalan yang baik dan diberkati disisiNya. Semoga ia dapat memberi manfaat kepada umat Islam tempatan dalam melaksanakan ibadah qurban.

Saujana Utama,
25 April 2022

1 | MAKSUD IBADAH QURBAN



Apakah maksud qurban?

Jawapan:

Dalam bahasa Arab, istilah ini dipanggil *Udhiyyah* (أضحية)¹ atau *Tadhiyyah* (تذحية)². Kedua perkataan tersebut diambil dari perkataan *dhahwah* (ضحوة) yang bererti waktu dhuha yang biasanya menjadi waktu haiwan qurban disembelih.³

Namun di dalam masyarakat kita, ibadah ini lebih dikenali dengan istilah qurban/korban.

Ibadah *Udhiyyah* atau qurban bermaksud haiwan ternakan tertentu yang disembelih pada Hari Raya Aidil Adha dan Hari-Hari Tasyriq dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah.⁴

1 Udhiyyah bermaksud haiwan ternak yang disembelih.

2 Tadhiyyah bermaksud perbuatan menyembelih haiwan qurban.

3 *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, 2/587

4 *Ittihaf Al-Arib Bi Syarh Al-Ghayah Wa At-Taqrif*, 451

2 | DALIL PENSYARIATAN IBADAH QURBAN



Apakah dalil disyariatkan ibadah qurban?

Jawapan:

Dalil pensyariatkan ibadah qurban sabit di dalam *Al-Quran, Hadith* dan *Ijma'*. Antaranya:

1) Dalil Al-Quran:

Firman Allah:

وَالْبُدْنَ جَعَلْنَاهَا لَكُمْ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ لَكُمْ فِيهَا حَيْرٌ⁵

Dan pada unta itu Kami jadikanannya sebagai syiar agama Allah yang mempunyai kebaikan untuk kamu.

Maksud dalil: Dari ayat ini, diqiyaskan sembelihan unta ke atas haiwan ternakan lain seperti lembu dan kambing di hari raya Aidil Adha sebagai salah satu syiar agama Islam.⁶

Firman Allah:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ⁷

Maka tunaikanlah solat kerana Tuhanmu dan lakukan sembelihan.

⁵ Surah Al-Hajj: 36

⁶ *Al-Fiqh Al-Manhaji*, 1/235

⁷ Surah Al-Kawthar: 2

Maksud dalil: Solat yang dimaksudkan di dalam ayat ialah solat hari raya Aidil Adha, dan maksud sembelihan pula ialah sembelihan haiwan qurban.⁸

2) Dalil Hadith

Anas bin Malik melaporkan:

ضَحَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِكَبْشَيْنِ أَمْلَحَيْنِ أَقْرَبَيْنِ
ذَبَحَهُمَا بِيَدِهِ وَسَمَّى وَكَبَّرَ، وَوَضَعَ رِجْلَهُ عَلَى صِفَاحِهِمَا⁹

Rasulullah s.a.w pernah menyembelih 2 ekor biri-biri qurban yang berwarna putih dan bertanduk. Baginda menyembelihnya sendiri dengan membaca basmalah dan bertakbir, serta meletakkan kakinya di atas tepi tengkuk biri-biri tersebut.

Maksud dalil: Perbuatan Rasulullah menyembelih haiwan qurban dengan tangannya sendiri menunjukkan ia satu ibadah yang disyariatkan dan ia disunatkan kepada orang yang berkemampuan.

3) Dalil Ijma`

Ibn Al-Munzir An-Naisaburi¹⁰ berkata pensyariatkan ibadah qurban dan beberapa perincian tentangnya adalah di antara perkara yang telah diijma` oleh seluruh ulama Islam.

8 Mughni Al-Muhtaj, 6/122

9 Sahih Muslim, 3/1557, No. Hadith 1966

10 Al-Ijma`, 60 – 62

3 | SEJARAH IBADAH QURBAN DISYARIATKAN



Bilakah ibadah qurban mula disyariatkan?

Jawapan:

Ibadah qurban mula disyariatkan pada tahun ke-2 hijrah¹¹.

11 Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh, 4/2702

4 | HUKUM MELAKUKAN IBADAH QURBAN



Apakah hukum melakukan ibadah qurban?

Jawapan:

Hukum asalnya ialah *sunat mua`kaddah* (sunat yang sangat dituntut)¹² bagi mereka yang cukup syarat dan berkemampuan¹³. Namun ia boleh menjadi wajib dengan 2 sebab:

1. **Nazar.** Pelakunya bernazar untuk berbuat demikian dengan salah satu dari 2 jenis nazar¹⁴ :
 - a. *Nazar Mutlaq* seperti seseorang yang berkata “Saya wajib melakukan qurban tahun ini.”
 - b. *Nazar Mujazah*: seperti kata seseorang “Jika penyakit saya sembuh, saya bernazar untuk melakukan qurban.”
2. **Ta`yin.** Pelakunya melakukan *ta`yin* iaitu mengakui dengan lisan mahu melakukan qurban sambil membuat isyarat kepada haiwan qurban secara spesifik.

12 Mughni Al-Muhtaj 6/123

13 Al-Fiqh Al-Manhaji `Ala Mazhab Al-Imam Asy-Syafi`iy, 1/232 – 233

14 Al-Fiqh Al-Manhaji `Ala Mazhab Al-Imam Asy-Syafi`iy, 3/23

Seperti kata-kata seseorang sambil menuding ke arah seekor kambing:

- *“Kambing ini adalah qurban saya tahun ini”*
- *“Ini adalah haiwan qurban saya.”*
- *Atau seumpamanya.*


Pengakuan ini menyebabkan hukum qurban menjadi wajib¹⁵.

Dalam 2 situasi tersebut, ibadah qurban menjadi wajib. Setelah haiwan qurban wajib disembelih, pelaksanaannya tidak boleh mengambil atau memakan daging qurban tersebut kerana harta yang dikeluarkan secara wajib tidak boleh diambil kembali oleh pelakunya¹⁶. Sebaliknya, ia hendaklah mengagihkannya kepada golongan fakir dan miskin.

15 *Al-Fiqh Al-Manhaji `Ala Mazhab Al-Imam Asy-Syafi`iy, 1/232*

16 Seperti harta zakat. Ia tidak boleh diambil kembali oleh orang yang mengeluarkannya walaupun sedikit.

5 | FADHILAT IBADAH QURBAN



Apakah kelebihan atau fadhilat melakukan ibadah qurban?

Jawapan:

Ibadah qurban adalah cabang amalan sedekah¹⁷ kerana ia mengandungi unsur memberi sesuatu kepada orang lain. Justeru, apa jua fadhilat bersedekah yang sabit dalam Al-Quran dan Sunnah, boleh dikaitkan dengan ibadah qurban.

Selain itu, ibadah qurban juga mempunyai fadhilat yang khusus. Kebanyakannya disebutkan di dalam hadith, antaranya:

1) Hadith Riwayat At-Tirmizi:

مَا عَمِلَ آدَمِيُّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ، إِنَّهُ لَيَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَطْلَافِهَا، وَأَنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ مِنَ الْأَرْضِ، فَطَيَّبُوا بِهَا نَفْسًا.

Tidak ada amalan yang dilakukan oleh manusia di hari raya Aidil Adha yang lebih disukai oleh Allah lebih dari menumpahkan darah (menyembelih haiwan qurban). Sesungguhnya haiwan tersebut akan datang di hari kiamat dengan tanduk, bulu dan kukunya. Sesungguhnya darah (sembelihan) tersebut akan diterima oleh Allah sebelum ia jatuh di atas tanah. Maka laksanakan ibadah qurban dengan jiwa yang tulus.

¹⁷ Lihat Al-Iqna` Fi Halli Alfaz Abi Syuja`, 2/588

2) Hadith Riwayat Al-Hakim

Nabi s.a.w berkata kepada Fatimah:

يَا فَاطِمَةُ قُومِي إِلَىٰ أَضْحِيَّتِكَ فَاشْهَدِيهَا، فَإِنَّ لَكَ بِكُلِّ قَطْرَةٍ تَقْطُرُ مِنْ دَمِهَا أَنْ يُغْفَرَ لَكَ مَا سَلَفَ مِنْ ذُنُوبِكَ. قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَلَنَا خَاصَّةً أَهْلَ الْبَيْتِ، أَوْ لَنَا وَلِلْمُسْلِمِينَ؟ قَالَ: بَلَىٰ لَنَا وَلِلْمُسْلِمِينَ.

Wahai Fatimah, pergilah kepada haiwan qurban kamu dan saksikanlah (sembelihannya), kerana kamu akan mendapat pengampunan dosa-dosa yang lalu dari setiap titisan darahnya." Aku bertanya, "wahai Rasulullah, adakah kelebihan ini dikhususkan untuk keluarga kita atau untuk semua orang Islam?" Nabi menjawab: "Ia adalah untuk kita dan semua orang Islam.

6 | WAKTU DAN TEMPOH IBADAH QURBAN



Bilakah waktu dan tempoh ibadah qurban?

Jawapan:

Waktu ibadah qurban bermula setelah selesai tempoh solat hari raya Aidil Adha (10 Zulhijjah), hingga sebelum masuknya waktu maghrib hari yang ke-13 Zulhijjah.

Tempoh untuk melakukan ibadah qurban pula ialah 4 hari, bermula dari hari ke-10 Zulhijjah hingga hari ke-13 Zulhijjah.

7 | MENYEMBELIH HAIWAN QURBAN SEBELUM SOLAT HARI RAYA



Beberapa jam sebelum solat hari raya, seekor kambing qurban telah terlepas dari tambatan dan cuba melarikan diri, namun ia telah dilanggar oleh sebuah kenderaan. Kambing tersebut telah disembelih kerana bimbang ia mati begitu sahaja. Adakah sembelihan tersebut dikira sebagai ibadah qurban?

Jawapan:

Haiwan qurban perlu disembelih pada waktu yang telah ditetapkan oleh syarak iaitu bermula setelah berlalunya tempoh masa menunaikan solat hari raya pada hari ke-10 Zulhijjah hingga berakhirnya waktu asar pada hari ke-13 Zulhijjah.

Ini berdasarkan hadith Nabi s.a.w:

إِنَّ أَوَّلَ مَا نَبَدَأُ بِهِ فِي يَوْمِنَا هَذَا نُصَلِّي، ثُمَّ تَرْجِعُ فَنَنْحَرُ. مَنْ فَعَلَهُ فَقَدْ أَصَابَ سُنَّتَنَا، وَمَنْ ذَبَحَ قَبْلَ فَإِنَّمَا هُوَ لَحْمٌ قَدَّمَهُ لِأَهْلِهِ لَيْسَ مِنَ النَّسْكِ فِي شَيْءٍ¹⁸

Sesungguhnya perkara pertama yang kita mula lakukan pada hari ini ialah menunaikan solat hari raya. Kemudian kita pulang dan menyembelih haiwan qurban. Sesiapa yang lakukan demikian, ia telah menepati sunnah kami. Dan sesiapa yang menyembelih sebelum waktu tersebut, haiwan tersebut hanya menjadi daging biasa yang diberikan kepada keluarganya serta tiada kaitan dengan ibadah qurban.

18 Sahih Al-Bukhari, No. Hadith 5545. Sahih Muslim, No. Hadith 1961

Justeru, sembelihan kambing berkenaan adalah sah dan dagingnya halal dimakan. Namun ia tidak menjadi ibadah qurban kerana ia disembelih di luar waktu yang telah ditetapkan.

8 | WAJIB BERNIAT QURBAN



Adakah peserta qurban perlu berniat qurban? Bilakah niat tersebut dilakukan?

Jawapan:

Nabi s.a.w bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى¹⁹

Sesungguhnya amalan-amalan manusia hanya dikira dengan niat. Dan sesungguhnya setiap manusia akan mendapat balasan sesuai dengan apa yang ia niatkan.

Setiap ibadah perlu dimulakan dengan niat di dalam hati. Demikian juga ibadah qurban. Ia bertujuan membezakan di antara sembelihan qurban dan sembelihan biasa serta membangkitkan kesediaan diri untuk melaksanakan ibadah.

Ketiadaan niat akan menyebabkan sembelihan tersebut tidak menjadi ibadah qurban, tetapi ia menjadi sembelihan biasa²⁰. Justeru, mereka yang melaksanakan qurban perlu memastikan telah me'masang' niat di dalam hati.

Niat di dalam ibadah qurban bergantung kepada bagaimana penyertaan berlaku. Di sini kami bahagikan 2 situasi ibadah qurban.

¹⁹ Sahih Al-Bukhari, 1/6, No. Hadith 6

²⁰ Majlis Fatwa Jordan, <https://www.alifataa.jo/Article.aspx?ArticleId=307#.YXY-jPp5BxAk>, diakses pada 21 Okt 2021

Situasi 1: Peserta qurban berniat sendiri dalam situasi berikut²¹:

- a. Ketika mengasingkan haiwan qurban dari haiwan lain miliknya di kandang atau ketika membeli haiwan. Maka hati berniat: “Haiwan yang aku asingkan ini ialah untuk qurban.” Atau “Haiwan ini aku beli ialah untuk ibadah qurban.”
- b. Ketika hendak menyembelih haiwan qurbannya.
- c. Ketika haiwan qurban hendak disembelih oleh orang lain²².
- d. Ketika bernazar dengan menentukan secara khusus haiwan yang akan diqurbankan.

Situasi 2: Orang lain berniat bagi pihak peserta qurban seperti:

- a. Peserta qurban mewakilkan tukang sembelih untuk berniat bagi pihaknya. Maka tukang sembelih boleh berniat bagi pihak peserta qurban ketika hendak menyembelih haiwan.
- b. Peserta qurban mewakilkan pihak penganjur untuk berniat qurban bagi pihaknya ketika pihak penganjur tersebut menyerahkan haiwan qurban kepada tukang sembelih, seperti yang berlaku dalam program qurban di luar negara dan seumpamanya.

21 Portal Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-haji-korban-cat/4884-irsyad-fatwa-haji-dan-korban-siri-ke-55-hukum-niat-awal-sebelum-hari-sembelihan-korban>, diakses pada 27 Okt 2021

22 Iaitu peserta berniat qurban ketika orang lain hendak menyembelih haiwan qurban.

Jika peserta menyertai qurban dengan cara membayar nilai bahagian qurban kepada penganjur, atau mewakili pembelian haiwan qurban kepada penganjur, serta ia tidak dapat melihat haiwannya ketika disembelih, maka ia boleh mewakili niat ibadahnya kepada penganjur atau penyembelih. Kemudian penyembelih boleh meniatkan qurban bagi pihak peserta sama ada ketika mengasingkan haiwan qurban atau ketika hendak melakukan sembelihan.

Ulama menjelaskan:

وَأِنْ وَكَّلَ بِالذَّبْحِ، فَيَنْوِي عِنْدَ الدَّفْعِ إِلَى الْوَكِيلِ، أَوْ حِينَ يَذْبَحُ الْوَكِيلُ²³

Jika seseorang itu mewakili sembelihan (kepada orang lain), ia boleh berniat qurban ketika menyerahkan haiwan qurban kepada wakil atau berniat ketika wakilnya menyembelih haiwan qurban.

Dalam situasi mewakili niat kepada orang lain, ulama berkata:

لَهُ تَقْوِيضُ النِّيَّةِ لَهُ كَمَا يُقْوِضُ الذَّبْحَ إِلَيْهِ²⁴

Peserta qurban boleh mewakili niat qurban kepada wakilnya seperti mana ia mewakili sembelihan kepadanya.

23 At-Tahzib Fi Fiqh Al-Imam Asy-Syafi`iy, 8/44

24 Tahrir Al-Fatawi `Ala At-Tanbih Wa Al-Minhaj Wa Al-Hawi, 3/413, No. Fatwa 5564

9 | GOLONGAN YANG SUNAT MELAKUKAN QURBAN



Siapakah orang yang disunatkan melakukan ibadah qurban?

Jawapan:

Ibadah qurban sunat dilakukan oleh orang Islam yang memiliki ciri-ciri berikut²⁵:

1) Orang yang sudah baligh.

- Kanak-kanak tidak disunatkan melakukan qurban.

2) Orang yang berfikiran normal dan siuman

- Orang yang tidak waras disebabkan gila dan seumpamanya tidak ditaklifkan dengan ibadah qurban.

3) Orang berkemampuan dari sudut harta.

- Mereka yang tidak mempunyai lebih harta dari kos belanja keperluan diri dan keluarga, tidak disunatkan menyertai qurban.

²⁵ Al-Iqna` Fi Halli Alfaz Abi Syuja`, 2/588

10 | GOLONGAN YANG SUNAT MELAKUKAN QURBAN



Adakah peserta qurban perlu menyembelih sendiri haiwan qurbannya?

Jawapan:

Pada asalnya, peserta qurban disunatkan untuk menyembelih sendiri haiwan qurbannya. Namun jika terdapat halangan tertentu atau peserta tidak tahu cara menyembelih, ia boleh mewakili kepada orang lain untuk menyembelihnya.

Ulama berkata:

وَيُسْنُ أَنْ يَذْبَحَهَا أَيُّ الْأُضْحِيَّةِ الرَّجُلُ بِنَفْسِهِ إِنْ أَحْسَنَ الذَّبْحَ...
وَالظَّاهِرُ اسْتِحْبَابُ التَّوَكُّلِ لِكُلِّ مَنْ ضَعُفَ عَنِ الذَّبْحِ مِنَ الرِّجَالِ
لِمَرَضٍ أَوْ غَيْرِهِ²⁶

Dan disunatkan orang lelaki menyembelih haiwan qurbannya sendiri jika ia berkebolehan menyembelih...

Dan secara zahirnya, disunatkan mewakili sembelihan haiwan kepada orang lain bagi orang lelaki yang tidak mampu menyembelih disebabkan oleh sakit atau seumpamanya.

26 Mughni Al-Muhtaj, 6/124

11 | JENIS HAIWAN YANG BOLEH DIJADIKAN QURBAN



Apakah jenis haiwan yang boleh dijadikan qurban?

Jawapan:

Berdasarkan *nas Al-Quran, Hadith* dan *Qiyas*, haiwan yang boleh dijadikan qurban ialah:

- 1) Unta
- 2) Lembu atau kerbau ²⁷
- 3) Biri-biri
- 4) Kambing

²⁷ Kerbau adalah dikira dari keluarga lembu. Lihat *Hasyiah Al-Bujairimi `Ala Al-Khatib*, 4/332. *Al-Hidayah Fi Syarh Bidayah Al-Mubtadi*, 4/359

12 | CIRI-CIRI HAIWAN YANG LAYAK DILAKUKAN QURBAN



Apa ciri-ciri haiwan yang boleh dijadikan qurban?

Jawapan:

Haiwan yang boleh dijadikan qurban ialah unta, lembu, kerbau, biri-biri dan kambing. Namun haiwan-haiwan tersebut perlu memenuhi syarat lain dan tidak mempunyai kecacatan yang menghilangkan kelayakan qurban.

Kata ulama:

28 *وَشَرْطُهَا سَلَامَةٌ مِنْ عَيْبٍ يَنْقُصُ مَا كُوِلًا*

Syarat qurban yang sah ialah haiwan tersebut mesti sejahtera dari kecacatan yang mengurangkan bahagian yang boleh dimakan (daging, tulang, perut, ekor dan sebagainya)

Demikian juga ulama lain melanjutkan huraian:

29 *وَشَرْطُهَا سَلَامَةٌ مِنْ عَيْبٍ يُفْسِدُ اللَّحْمَ، وَيَنْقُصُ الثَّمَنَ*

Syarat sah qurban ialah haiwan tersebut sejahtera dari kecacatan yang merosakkan daging dan mengurangkan nilai harganya.

28 **Mughni Al-Muhtaj**, 6/127 – 128. Penulis memilih istilah yang dicadangkan oleh Syarih iaitu “ma`kulan”.

29 **At-Tadrib Fi Al-Fiqh Asy-Syafi`iy**, 4/264

Secara amnya, ciri-ciri haiwan qurban perlu dilihat pada 3 aspek, iaitu:

1) Usia³⁰

- a. Unta yang sudah memasuki usia 6 tahun.
- b. Lembu yang sudah memasuki usia 3 tahun.
- c. Kerbau yang sudah memasuki usia 3 tahun.
- d. Kambing yang sudah memasuki usia 3 tahun.
- e. Biri-biri yang sudah memasuki usia 2 tahun.

2) Mempunyai kecatatan yang mengurangkan daging atau mana-mana anggota haiwan yang boleh dimakan. Kecacatan ini menghilangkan kelayakan qurban, seperti:

- a. Mata yang buta (al-`awra`).
- b. Mempunyai tempang yang ketara ketika berjalan (al-`arja`).
- c. Mempunyai penyakit sehingga ia menjadi terlalu kurus (al-maridhah).
- d. Haiwan yang kecut otak dan dagingnya (al-`ajfa`) disebabkan terlalu kurus³¹.
- e. Berpanyakit gila (al-majnunah), kerana haiwan ternakan yang gila akan menjadi kurus disebabkan kurang makan. Namun jika haiwan yang gila tersebut masih boleh makan dan badannya menjadi gemuk, ia masih layak dijadikan haiwan qurban³².
- f. Suka berkeliaran (al-haima`) di merata tempat hingga tidak meragut rumput³³.
- g. Telinga terputus walaupun sedikit (maqtu`ah al-uzun)³⁴.
- h. Ekor terputus (maqtu`ah az-zanab)³⁵.
- i. Apa jua kecacatan yang menyebabkan haiwan menjadi

30 Al-Fiqh Al-Manhaji `Ala Mazhab Al-Imam Asy-Syafi`iy, 1/233

31 Poin a, b, c, d dan e dirujuk dari Ittihaf Al-Arib Bi Syarh Al-Ghayah Wa At-Taqrrib, 453

32 Ahkam Al-Udhiyyah Wa Al-Aqiqah Wa At-Tazkiyah, 17

33 Ibid, 18

34 Ittihaf Al-Arib Bi Syarh Al-Ghayah Wa At-Taqrrib, 454

35 Ibid

kurus dan dagingnya menjadi susut³⁶.

3) Mempunyai kekurangan namun masih layak dijadikan qurban.

- a. Haiwan yang dikembiri (al-khasiy).
- b. Haiwan yang patah tanduknya atau tiada tanduk secara asal selagi ia tidak memberi kesan pada kuantiti daging³⁷.

Kesimpulannya:

Hanya aspek kedua sahaja yang menjadikan haiwan qurban hilang kelayakan. Ini kerana ia boleh menyebabkan unsur yang boleh dimakan seperti daging, tulang, ekor dan sebagainya menjadi susut dan berkurangan. Justeru, haiwan qurban perlu berada pada tahap yang baik agar ia dapat memberi manfaat yang maksimum kepada umat Islam di hari raya Aidil Adha.

36 Al-Fiqh Al-Manhaji Ala Mazhab Al-Imam Asy-Syafi`iy, 1/234

37 Lihat Ittihaf Al-Arib Bi Syarh Al-Ghayah Wa At-Taqrif, 454

13 | HAIWAN QURBAN PALING AFDHAL



Apakah haiwan yang paling afdhal untuk ibadah qurban?

Jawapan:

Oleh kerana tujuan ibadah qurban ialah untuk berkongsi daging dengan golongan fakir dan miskin, maka semakin banyak daging sesuatu haiwan, semakin *afdhal* ia dijadikan sebagai haiwan qurban³⁸.

Ulama berkata:

وَأَفْضَلُهَا بَعِيرٌ ثُمَّ بَقْرَةٌ ثُمَّ ضَأْنٌ ثُمَّ مَعْزٌ، وَسَبْعُ شِيَاهٍ أَفْضَلُ مِنْ بَعِيرٍ،
39 وَشَاةٌ أَفْضَلُ مِنْ مُشَارَكَةٍ فِي بَعِيرٍ

Haiwan qurban paling afdhal ialah unta, kemudian lembu, kemudian biri-biri, kemudian kambing. 7 ekor biri-biri adalah lebih afdhal dari seekor unta. Dan seekor biri-biri adalah lebih afdhal dari perkongsian bahagian qurban pada seekor unta.

Susunannya adalah seperti berikut:

1. Unta
2. Lembu atau Kerbau
3. Biri-biri
4. Kambing
5. 7 ekor biri-biri lebih afdhal dari seekor unta atau lembu.
6. Seekor biri-biri adalah lebih afdhal dari perkongsian

38 Lihat Mughni Al-Muhtaj, 6/127

39 Mughni Al-Muhtaj, 6/127

bahagian qurban pada unta atau lembu⁴⁰.

Jika seseorang itu berkemampuan, ia boleh mendapatkan haiwan yang terbaik untuk dijadikan qurban. Dalam situasi kurang berkemampuan, seseorang itu boleh menyertai 1 dari 7 bahagian qurban pada unta atau lembu .

40 Al-Iqna` Fi Hall Alfaz Abi Syuja`, 2/589

14 | HAD PERKONGSIAN BAHAGIAN QURBAN YANG DIBENARKAN



Berapa bahagiankah perkongsian yang dibenarkan pada haiwan qurban?

Jawapan:

Perkongsian ibadah qurban boleh dilakukan pada haiwan unta, lembu dan kerbau. Had tertinggi penyertaan yang dibenarkan ialah 7 bahagian pada setiap unit haiwan tersebut.

Ini berdasarkan hadith Jabir bin Abdullah r.a yang melaporkan:

نَحْرْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامَ الْحُدَيْبِيَّةِ الْبَدَنَةَ عَنْ
سَبْعَةٍ، وَالْبَقْرَةَ عَنْ سَبْعَةٍ⁴¹

Kami telah menyembelih unta yang mewakili 7 orang dan lembu yang mewakili 7 orang bersama Rasulullah s.a.w pada tahun berlakunya peristiwa Perjanjian Hudaibiyah.

Berdasarkan hadith ini, para ulama mengharuskan perkongsian 7 bahagian pada haiwan unta dan lembu qurban.

Selain itu, syarak juga membenarkan penyertaan lebih dari 1/7 bahagian pada lembu dan unta qurban seperti menyertai 2/7, 3/7, 4/7 dan sebagainya kerana bersedekah

⁴¹ Sahih Muslim, 2/955, No. Hadith 1318

lebih dari kadar yang ditetapkan adalah dibenarkan⁴². Semakin banyak bahagian yang disertai, semakin banyak ganjarannya di sisi Allah.

Adapun haiwan kambing dan biri-biri, ia hanya boleh disertai oleh seorang peserta sahaja.

42 Lihat **Portal IslamQA**, <https://islamqa.info/ar/answers/111322/%D9%87%D9%84-%D9%8A%D8%AC%D9%88%D8%B2-%D8%A7%D8%B4%D8%AA%D8%B1%D8%A7%D9%83-%D8%A7%D9%82%D9%84-%D9%85%D9%86-%D8%B3%D8%A8%D8%B9%D8%A9-%D9%81%D9%8A-%D8%A8%D9%82%D8%B1%D8%A9-%D8%A7%D8%B6%D8%AD%D9%8A%D8%A9>, diakses pada 28 Mac 2022

15 | PERCAMPURAN ANTARA QURBAN, AQIQAH DAN TUJUAN LAIN PADA SEEKOR HAIWAN



Bolehkah berlaku percampuran antara tujuan qurban, aqiqah dan lain-lain pada seekor haiwan ternakan?

Jawapan:

Percampuran tujuan sembelihan dalam seekor haiwan dibenarkan oleh syarak pada haiwan seperti unta, lembu dan kerbau sahaja.

Contoh percampuran 7 bahagian yang berbeza tujuan pada seekor lembu ialah seperti dalam rajah berikut:

<i>Aqiqah</i>	2 Bahagian
<i>Qurban Sunat</i>	3 Bahagian
<i>Qurban Nazar</i>	2 Bahagian
<i>Jumlah :</i>	7 Bahagian

Ulama berkata:

وَسَوَاءٌ اتَّقُوا فِي نَوْعِ الْقُرْبَانِ أَوْ اخْتَلَفُوا، كَمَا إِذَا فَصَدَ بَعْضُهُمُ التَّضْحِيَّةَ
وَبَعْضُهُمُ الْهَدْيِ، وَكَذَا لَوْ أَرَادَ بَعْضُهُمُ اللَّحْمَ وَبَعْضُهُمُ الْأُضْحِيَّةَ
وَهُمْ قِسْمَةُ اللَّحْمِ⁴³

43 Mughni Al-Muhtaj, 6/126

Dan sama hukumnya (diharuskan perkongsian 7 bahagian) ketika mereka bersepakat pada jenis qurban atau tidak bersepakat, seperti jika sebahagian mereka meniatkan qurban, sebahagian yang lain pula meniatkan al-hadyu⁴⁴. Demikian juga jika sebahagian mereka meniatkan sembelihan untuk mendapatkan daging dan sebahagian mereka berniat qurban. Mereka kemudiannya berhak mendapat bahagian daging masing-masing.

Perbezaan tujuan sembelihan turut memberi kesan pada pemilikan daging dan cara agihannya. Dalam Rajah 1 di atas, 2 bahagian daging aqiqah akan diberikan kepada pemiliknya untuk dimasak dan dibuat kenduri. 3 bahagian daging qurban sunat akan diberikan sebahagiannya kepada peserta qurban, sebahagian lagi dihadiahkan kepada jiran dan sebahagian lagi diagihkan kepada fakir dan miskin. Manakala 2 bahagian daging **qurban nazar** hendaklah diberikannya kepada fakir dan miskin.

44 Al-Hadyu ialah sembelihan yang dilakukan oleh orang yang melakukan ibadah haji dengan sebab-sebab tertentu.

16 | 1 QURBAN MEWAKILI 1 KELUARGA



Benarkah ibadah qurban seseorang turut dikira mewakili keluarganya?

Jawapan:

Secara amnya, apabila seseorang itu melakukan ibadah qurban, ahli keluarganya yang tinggal serumah dengannya tidak disunatkan untuk melakukannya, kerana ia sudah dikira 'mewakili' mereka secara sunat kifayah.

Ulama berkata:

إِذَا ضَحَّى بِهَا وَاحِدٌ مِنْ أَهْلِ الْبَيْتِ، تَأَدَّى الشُّعَارُ فِي حَقِّ
جَمِيعِهِمْ، وَتَكُونُ التَّضْحِيَةُ فِي حَقِّهِمْ سُنَّةً كِفَايَةً⁴⁵

Jika seorang ahli keluarga melakukan qurban, syiar qurban dalam keluarga tersebut sudah tertegak dan hukum qurban untuk keluarga tersebut menjadi sunat kifayah.

Justeru, sembelihan qurban tersebut sudah dikira mewakili seluruh keluarga dan ahli rumahnya serta syiar qurban untuk keluarga tersebut sudah terzhahir, tanpa mengira sama ada qurban tersebut melibatkan kambing atau lembu.

⁴⁵ Al-Majmu` Syarh Al-Muhazzab, 8/397

Namun, jika seseorang itu mahu mengongsikan pahala ibadah qurban dengan keluarganya, ia hendaklah meniatkan demikian, kerana Rasulullah s.a.w bersabda:

46 *إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ*

Sesungguhnya amalan-amalan itu hanya dinilai dengan niat.

46 Sahih Al-Bukhari, 1/3, No. Hadith 1

17 | ADAKAH KELUARGA TURUT MENDAPAT PAHALA IBADAH QURBAN?



Apabila seseorang itu melakukan qurban, adakah keluarganya turut berkongsi pahala?

Jawapan:

Ibadah qurban yang dilakukan seseorang, dikira mewakili seluruh keluarga yang tinggal serumah dengannya berdasarkan konsep syiar qurban dan sunat kifayah.

Adapun perkongsian pahala, ia perkara yang diharuskan syarak namun perlu kepada niat orang yang melakukan qurban.

Ulama merumuskan:

التَّضْحِيَّةُ سُنَّةٌ كِفَايَةٌ فِي حَقِّ أَهْلِ الْبَيْتِ، فَإِنَّهُ لَوْ ضَحَّى شَخْصٌ
وَأَشْرَكَ غَيْرَهُ فِي الثَّوَابِ جَازَ⁴⁷

Ibadah qurban adalah sunah kifayah pada hak sebuah keluarga yang tinggal serumah. Jika ada seorang ahli keluarga yang melakukan qurban dan berniat mengongsikan pahalanya dengan orang lain, hukumnya adalah harus.

Pelaksana qurban perlu menyertakan niat perkongsian pahala agar ahli keluarganya turut sama mendapat pahala. Ini dikuatkan lagi dengan kenyataan berikut:

⁴⁷ Mughni Al-Muhtaj, 6/124

وَمَعْنَى كَوْنِهَا سُنَّةً كِفَايَةً سُقُوطُ الطَّلَبِ بِفِعْلِ الْغَيْرِ، لَا حُصُولُ
الثَّوَابِ لِمَنْ لَمْ يَفْعَلْ⁴⁸.

Maksud sunat kifayah ialah gugurnya tuntutan qurban dengan pelaksanaan orang lain, bukan bermaksud orang yang tidak melakukan qurban turut mendapat pahala.

Justeru, perkongsian pahala tidak berlaku secara automatik, tetapi ia perlu kepada niat terlebih dahulu dari pelaku qurban terbabit.

48 Tuhfat Al-Muhtaj, 9/345 dengan sedikit modifikasi.

18 | ADAKAH SUNAT KIFAYAH QURBAN MERANGKUMI RAKAN PENYEWAWA RUMAH YANG LAIN?



Seorang penyewa rumah melakukan ibadah qurban. Adakah ibadahnya turut merangkumi rakan-rakan penyewa serumah yang lain?

Jawapan:

Dalam sebuah hadith riwayat At-Tirmizi, sahabat Nabi bernama Abu Ayyub Al-Ansari melaporkan:

كَانَ الرَّجُلُ يُضَحِّي بِالشَّاةِ عَنْهُ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ، فَيَأْكُلُونَ وَيُطْعَمُونَ⁴⁹

Dahulu seorang lelaki melakukan qurban seekor biri-biri untuk diri dan ahli rumahnya, lalu mereka makan daging tersebut serta menjamu makan kepada orang lain.

Para ulama telah berbahas tentang maksud ‘ahli rumah’ di dalam hadith ini.

Majoriti ulama berpandangan, ahli rumah yang dirangkumi sunat kifayah⁵⁰ ibadah qurban ialah mereka

49 Sunan At-Tirmizi, 4/91, No. Hadith 1505

50 Sunnat kifayah bererti suatu amalan sunat, yang apabila dilakukan oleh salah seorang dari satu kelompok, ia sudah dikira mewakili kelompok tersebut dan orang lain dari kumpulan yang sama tidak disunatkan melakukannya. Contoh lain selain ibadah Qurban ialah azan. Apabila azan sudah dikumandangkan di sebuah masjid atau surau, ia tidak lagi disunatkan untuk diulang oleh orang lain dalam waktu yang sama. Lihat Tahrir Al-Fatawi `Ala At-Tanbih Wa Al-Minhaj Wa Al-Hawi, 1/217, No. Fatwa 403. Lihat Asna Al-Matalib Fi Syarh Rawdh At-Talib, 1/536

yang memiliki hubungan kekeluargaan, perkahwinan atau ditanggung nafkahnya oleh peserta qurban⁵¹.

Ini bermakna, ibadah qurban boleh merangkumi suami, isteri, anak-anak, ibu bapanya atau adik beradiknya yang lain selagi mereka semua tinggal serumah dengan pelaksana qurban.

Situasi ini tidak berlaku di kalangan orang bujang yang tinggal di rumah sewa kerana mereka biasanya tiada hubungan kekeluargaan atau menanggung nafkah sesama mereka. Berdasarkan huraian tadi, semua penyewa terbabit disunatkan melakukan ibadah qurban secara individu jika berkemampuan, kerana hukum ibadah qurban untuk mereka dikira *sunnat ain*⁵².
Wallahu A`lam.

51 *Tuhfat Al-Muhtaj Fi Syarh Al-Minhaj*, 9/345

52 *Sunnat `ain* ialah perkara sunat yang digalakkan kepada setiap individu seperti solat sunat rawatib, puasa isnin dan khamis dan seumpamanya.

19 | ADAKAH QURBAN UNTUK ORANG LAIN PERLU KEIZINAN MEREKA?



Saya ingin memasukkan ibu bapa saya di kampung sebagai peserta qurban. Adakah saya perlu memberitahu mereka?

Jawapan:

Mengikut kaedah asal, ibadah qurban bagi pihak orang lain yang masih hidup perlu kepada keizinan mereka terlebih dahulu. Ulama berkata:

53 وَلَا تَضْحِيَةَ أَيِّ لَا تَفْعُ عَنْ الْعَيْرِ الْحَيِّ بِعَيْرِ إِذْنِهِ

Dan tidak boleh melakukan qurban untuk orang lain yang masih hidup tanpa keizинannya.

Jika saudara ingin menjadikan ibu bapa sebagai peserta qurban secara khusus, saudara perlu memaklumkan hal tersebut dan meminta izin dari mereka terlebih dahulu. Dengan pemakluman tersebut, ibu bapa saudara boleh berniat qurban pada waktu yang ditetapkan atau mewakilkan niat qurban kepada saudara.

Kaedah yang sama boleh diamalkan jika saudara ingin melakukan qurban khusus untuk pakcik, makcik, abang, adik, kakak dan seumpamanya. Izin mereka perlu diambil kira.

Dalam situasi ini, saudara insya Allah mendapat pahala menghibahkan duit qurban kepada ibu bapa atau sesiapa yang berkenaan, dan mereka pula mendapat pahala ibadah qurban.

53 Mughni Al-Muhtaj, 6/137

20 | IBADAH QURBAN UNTUK ORANG YANG SUDAH MATI



Bolehkah melakukan qurban untuk orang yang sudah mati?

Jawapan:

Melakukan ibadah qurban untuk orang yang sudah mati berlaku dalam 4 keadaan. Justeru, kami akan menjawab soalan berasaskan keadaan-keadaan tersebut:

1. Qurban untuk orang mati atas nama perkongsian pahala melalui niat orang yang melaksanakannya, seperti niat seseorang: "Ini adalah qurban pada tahun ini untuk diriku, ahli keluargaku dan sanak saudaraku yang masih hidup dan yang telah mati."

Pelaksana qurban dalam situasi ini ialah orang yang masih hidup. Orang yang telah mati dimasukkan dalam ibadah qurban melalui niat perkongsian pahala.

Hukum: Sunat kerana ia pernah dilakukan oleh Nabi s.a.w.

2. Qurban untuk orang mati disebabkan wasiat mereka.

Pelaksana qurban dalam situasi ini ialah si mati. Orang yang hidup menjadi wakil yang melaksanakan qurban bagi pihak si mati.

Hukum: Wajib melaksanakannya dari harta si mati. Jika

si mati tiada harta, warisnya disunatkan menggunakan duit mereka untuk melaksanakan wasiat si mati jika berkemampuan.

3. Qurban untuk orang mati disebabkan ia sudah membeli haiwan qurban ketika hidup, tetapi meninggal dunia sebelum qurban sempat dilaksanakan.

Pelaksana qurban dalam situasi ini ialah si mati. Orang yang hidup hanya membantu menyempurnakan qurban si mati.

Hukum: Perlu dilaksanakan bila tiba waktunya.

4. Qurban untuk orang mati dengan menjadikan si mati sebagai salah seorang peserta qurban.

Hukum: Ulama berbeza pandangan jika ia dilakukan tanpa wasiat si mati.

1. Majoriti ulama (Hanafi, Maliki, Hanbali dan sebahagian Syafi'iy) berpandangan, qurban tersebut adalah sah kerana mereka mengqiyaskan isu ini dengan sedekah atau haji bagi pihak si mati.
2. Pandangan muktamad dalam mazhab Syafi'iy memutuskan **tidak sah** kerana ia tidak pernah dilakukan oleh Nabi s.a.w secara berasingan.

Dalam situasi ke-4, kedua-dua pandangan mempunyai hujah dan dalil tersendiri. Justeru umat Islam boleh memilih mana-mana pandangan yang dirasakan sesuai kerana terdapat keluasan fiqh dalam isu ini. *Wallahu A`lam.*

21 | IBADAH QURBAN UNTUK ANAK KECIL



Bolehkah bapa atau ibu memasukkan nama anak yang kecil sebagai peserta ibadah qurban?

Jawapan:

Hukum asalnya, kanak-kanak tidak disunatkan melakukan ibadah qurban. Namun wali⁵⁴ keluarga (datuk dan bapa) boleh menjadikan anak atau cucu sebagai peserta qurban dengan syarat, kos bahagian qurban tersebut mestilah ditanggung oleh si wali, bukan diambil dari duit anak atau cucunya. Hal ini kerana ibadah qurban tidak diwajibkan ke atas kanak-kanak. Justeru wali tidak wajar menggunakan duit mereka untuk perkara yang bersifat tidak perlu.

Ulama berkata:

وَلَا يُجُوزُ لِوَالِي الطِّفْلِ وَالْمَجْنُونِ وَالْمَحْجُورِ أَنْ يُضَحِّيَ عَنْهُ مِنْ مَالِهِ⁵⁵

Dan tidak boleh wali kanak-kanak, orang gila atau orang mahjur melakukan ibadah qurban bagi pihak mereka dari harta mereka sendiri.

54 Secara amnya, wali dalam kes ini ialah orang yang menguruskan harta atau membuat keputusan bagi pihak *al-qasir* (kanak-kanak) dalam urusan kewangannya. *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, 4/2984

55 *Mughni Al-Muhtaj*, 6/137

22 | IBADAH QURBAN UNTUK JANIN



Bolehkah melakukan qurban untuk anak di dalam perut ibu?

Jawapan:

Ibadah qurban hanya tertakluk dengan orang yang pernah wujud di dunia. Dengan kata lain, manusia yang masih belum muncul di alam dunia, ia dikira masih tiada. Justeru, melakukan qurban untuk orang yang tiada adalah tidak sah.

Ulama berkata:

وَلَا يُضَحِّي عَمَّا فِي الْبَطْنِ. وَيُظَهَّرُ مِنْ ذَلِكَ أَنْ سُئِنَتْهَا تَتَعَلَّقُ بِمَنْ يُوَلَّدُ
عِنْدَ دُحُولِ وَقْتِ الْأُضْحِيَّةِ، فَمَنْ كَانَ حَمَلًا ذَلِكَ الْوَقْتِ، ثُمَّ انْفَصَلَ
بَعْدَ يَوْمِ النَّحْرِ أَوْ مَا بَعْدَهُ لَمْ يَتَعَلَّقْ بِهِ سُنَّةُ الْأُضْحِيَّةِ⁵⁶

Dan tidak boleh dilakukan ibadah qurban untuk bayi di dalam perut. Yang demikian kerana hukum sunat qurban tertakluk dengan bayi yang lahir ketika sudah masuk tempoh ibadah Qurban. Justeru, bayi yang berada dalam kandungan perut ibu ketika tempoh hari raya Qurban, kemudian ia lahir setelah berlalunya hari sembelihan (hari ke-10 hingga 13 Zulhijjah), ia tidaklah tertakluk dengan hukum sunat qurban.

Penjelasan di atas turut merangkumi semua bentuk qurban sama ada dalam bentuk sunat kifayah, perkongsian pahala atau penyertaan nama secara khusus. Kesimpulannya, si wali tidak disunatkan melakukan qurban untuk orang yang belum wujud di atas dunia.

⁵⁶ Mughni Al-Muhtaj, 6/123

23 | KADAR DAGING QURBAN YANG DIBENARKAN UNTUK DIMAKAN



Berapa kadar daging qurban yang boleh diambil peserta qurban?

Jawapan:

Dalam situasi qurban sunat, tidak ada ketetapan spesifik dari Al-Quran dan Hadith tentang berapa kadar daging yang patut diambil oleh peserta qurban. Nabi s.a.w bersabda:

إِذَا ضَحَّى أَحَدُكُمْ، فَلْيَأْكُلْ مِنْ أُضْحِيَّتِهِ ⁵⁷

Apabila ada di kalangan kamu yang melakukan ibadah qurban, ia hendaklah memakan sedikit dari dagingnya.

Adapun pemberian kepada fakir miskin dan jiran tetangga, ianya difahami dari firman Allah:

فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِعُوا الْقَانِعَ وَالْمُعْتَرَّ ⁵⁸

Makanlah sebahagian darinya (daging qurban), dan berilah (bahagian yang berbaki) kepada orang-orang yang tidak meminta dan orang yang meminta.

Ibn Abbas menjelaskan, *al-qani`* bererti orang yang tidak memerlukan daging qurban, yang duduk di rumahnya. Sementara *al-mu`tar* bermaksud orang yang meminta dan

57 Musnad Ahmad, 15/36. No. Hadith 9078

58 Surah Al-Hajj: 36

inginkan daging qurban di kalangan fakir dan miskin⁵⁹.

Namun terdapat beberapa cara agihan yang boleh diamalkan.

1. Peserta qurban boleh mengambil sedikit daging sebagai mengambil keberkatan dari ibadah qurban, kemudian ia bersedekah daging yang berbaki⁶⁰.
2. Atau ia boleh mengambilnya 1/3, bersedekah kepada fakir miskin 1/3 dan menjamu atau menghadiahkan 1/3 kepada jiran tetangga, sahabat-handai atau kawan-kawan⁶¹.

Peserta qurban boleh memilih mana-mana kaedah yang telah dinyatakan kerana terdapat keluasan fiqh dalam cara mengagihkan daging qurban sunat.

59 Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir, 2/545

60 Al-Fiqh Al-Manhaji `Ala Mazhab Al-Imam Asy-Syafi`iy, 1/235

61 Ibid

24 | HUKUM MEMAKAN DAGING QURBAN NAZAR



Bolehkah orang yang bernazar qurban memakan daging qurbannya?

Jawapan:

Qurban nazar termasuk dalam qurban yang wajib. Justeru, orang yang melakukan qurban nazar hendaklah menyedekahkan semua daging qurbannya kepada fakir dan miskin dan tidak boleh mengambil daging atau mana-mana bahagian dan anggota haiwan tersebut walaupun sedikit⁶².

Ulama merumuskan:

وَلَا يَأْكُلُ الْمُضْحِيَّ شَيْئًا مِنَ الْأَضْحِيَّةِ الْمَنْدُورَةِ⁶³

Orang yang melakukan ibadah qurban tidak boleh makan sedikit pun dari haiwan qurban nazar.

Dalam hal ini, pelaku nazar dan orang-orang di bawah tanggungannya tidak dibenarkan mengambil dan menjamah daging dari qurban yang dinazarkannya. Ia perlu diserahkan kepada pihak yang dapat mengagihkan daging tersebut kepada fakir dan miskin.

Selain memakan dagingnya, mengambil manfaat dari mana-mana bahagian haiwan qurban nazar juga tidak dibenarkan kepada pelaku nazar, seperti mengambil kulit, tanduk dan sebagainya.

62 Ittihaf Al-Arib Bi Syarh Al-Ghayah Wa At-Taqrīb, 457

63 Ittihaf Al-Arib Bi Syarh Al-Ghayah Wa At-Taqrīb, 457

25 | MEMAKAN DAGING QURBAN NAZAR DALAM KEADAAN TIDAK TAHU STATUS HUKUM



Saya telah melakukan qurban nazar. Namun saya telah mengambil sebahagian daging tersebut dan memakannya dalam keadaan tidak tahu status hukumnya. Apa yang perlu saya buat?

Jawapan:

Seseorang yang melakukan tegahan dalam keadaan tidak tahu, tidaklah berdosa di sisi Allah, lebih-lebih lagi dalam isu-isu yang melibatkan perincian hukum syarak. Namun dalam hal ini, ia wajib menggantikan kembali daging atau bahagian haiwan qurban nazar yang ia telah dimakan.

Para ulama menyimpulkan:

فَلَوْ أَكَلَ مِنْهَا شَيْئاً أَوْ انْتَفَعَ بِهِ، ضَمِنَهُ بِالْبَدْلِ أَوْ بِالْفِيَمَةِ⁶⁴

Jika pelaku qurban nazar itu memakan sedikit dari qurban nazarnya atau mengambil manfaat darinya, ia hendaklah mengembalikan gantinya atau membayar nilainya.

Mengembalikan ganti bermaksud membeli daging, hati atau tulang haiwan yang sama di kedai, kemudian menyerahkannya kepada fakir dan miskin.

⁶⁴ At-Tazhib Fi Adillah Matn Al-Ghayah Wa At-Taqrīb, 246, nota kaki 2.

Membayar nilai bermaksud mengeluarkan duit yang senilai dengan daging, tulang atau mana-mana bahagian yang telah diambil, kemudian memberikannya kepada fakir dan miskin⁶⁵.

Pelaksana qurban nazar terbabit boleh memilih salah satu dari 2 cara untuk menggantikan kembali daging nazar yang ia telah makan.

65 Lihat **Kifayah Al-Akhyar**, 533

26 | MENGGABUNGKAN IBADAH QURBAN DAN AQIQAH PADA SEEKOR HAIWAN



Saya ada anak antara usia 10 hingga 16 tahun. Saya belum pernah melakukan aqiqah untuk mereka. Di musim qurban ini, adakah saya boleh lakukan qurban atau saya perlu selesaikan aqiqah mereka dahulu?

Jawapan:

Ibadah qurban dan aqiqah adalah amalan yang disunatkan bagi mereka yang berkemampuan. Perbezaan antara keduanya ialah ibadah qurban adalah ibadah bersempena dengan tempoh yang telah ditetapkan, sementara ibadah aqiqah boleh dilakukan pada bila-bila masa.

Jika tuan berkemampuan dari sudut kewangan, tuan digalakkan melakukan kedua-dua ibadah qurban dan aqiqah secara berasingan.

Jika dirasakan kurang berkemampuan disebabkan masalah ekonomi di musim pandemik, pandangan dari mazhab Hanbali membenarkan seseorang menggabungkan niat kedua-dua ibadah qurban dan aqiqah dalam seekor biri-biri atau satu bahagian sembelihan. Namun pahalanya tentulah tidak sama dengan qurban dan aqiqah yang dibuat secara berasingan.

Jika tuan menjangkakan kemampuan kewangan akan tiba di masa akan datang, seeloknya tuan dahulukan ibadah qurban kerana ia merupakan ibadah bersempena Hari Raya Aidil Adha. Kemudian, ibadah aqiqah untuk anak-anak boleh dirancang kembali pada waktu-waktu mendatang.

27 | MEMBAYAR ZAKAT DALAM BENTUK IBADAH QURBAN



Saya ingin membayar zakat. Jadi, bolehkah peruntukan zakat tersebut saya sumbangkan untuk ibadah qurban?

Jawapan:

Tidak boleh, kerana ibadah zakat tidak sama dengan ibadah qurban.

Zakat adalah ibadah wajib dan salah satu rukun Islam yang lima, sementara ibadah qurban pula adalah ibadah sunat. Peruntukan zakat wajib diagihkan kepada 8 golongan asnaf yang spesifik seperti fakir, miskin, amil, golongan muallaf, orang terputus bekalan perjalanan (ibn sabil), pejuang agama (fi sabilillah) dan golongan gharimin dan lain-lain. Pengeluar zakat juga tidak dibenarkan mengambil harta zakat yang telah diagihkan.

Sementara agihan daging qurban pula bersifat fleksibel. Ia boleh dibahagi-bahagikan di antara pelaksana Qurban, jiran tetangga dan golongan fakir miskin.

Perbezaan cara dan kaedah ini menunjukkan zakat tidak boleh dicampur adukkan atau disekalikan dengan qurban.

28 | MENGGUNTING RAMBUT DAN MEMOTONG KUKU UNTUK PESERTA QURBAN



Saya menyertai ibadah qurban pada tahun ini. Bolehkah saya menggunting rambut dan memotong kuku dalam tempoh menanti ibadah qurban dilaksanakan?

Jawapan:

Para peserta qurban diSUNATkan menahan diri dari memotong rambut, bulu-buluan, janggut, misai serta mengerat kuku, bermula masuknya 1 Zulhijjah hingga haiwan qurbannya selesai disembelih.

Hal ini berdasarkan hadith Nabi s.a.w:

إِذَا رَأَيْتُمْ هِلَالَ ذِي الْحِجَّةِ، وَأَرَادَ أَحَدُكُمْ أَنْ يُصَحِّحِي، فَلْيُمْسِكْ عَن
شَعْرِهِ وَأَظْفَارِهِ⁶⁶

Jika kamu telah melihat anak bulan Zul Hijjah dan ada di kalangan kamu mahu melakukan ibadah qurban, ia hendaklah menahan diri dari menotong rambut dan kukunya.

Para ulama menyebutkan, hikmah dari perbuatan ini ialah untuk menjadikan semua anggota badan pelaksana qurban mendapat pengampunan dari Allah dan pembebasan dari azab neraka⁶⁷.

66 Sahih Muslim, 3/1565, No. Hadith 1977

67 Bidayah Al-Muhtaj Fi Syarh Al-Minhaj, 4/348

Bagi mengelakkan timbul rasa tidak selesa, peserta qurban boleh membuat persiapan dengan memotong kuku, rambut dan bulu-buluan lain menjelang 1 Zulhijjah.

Bagi yang melakukan qurban di luar negara, pihak penganjur qurban perlu memaklumkan segera kepada peserta qurban setelah haiwan qurban mereka disembelih melalui medium komunikasi seperti *Facebook*, *Whatsapp*, *Telegram* dan seumpamanya. Ini bagi memudahkan peserta menguruskan diri mereka dengan lebih sempurna.

29 | MENERIMA UPAH DALAM BENTUK DAGING QURBAN



Adakah tukang sembelih boleh menerima upah dari daging qurban?

Jawapan:

Tukang sembelih tidak boleh menerima upah sembelihan dalam bentuk daging, kulit, tulang, limpa atau mana-mana bahagian haiwan qurban. Hal ini kerana sembelihan ibadah tidak boleh dijadikan upah atau bahan membabitkan urusniaga.

Saidina Ali r.a pernah meriwayatkan sebuah hadith:

وَأَنْ لَا أُعْطِيَ الْجَزَارَ مِنْهَا شَيْئًا، وَقَالَ: نُحْنُ نُعْطِيهِ مِنْ عِنْدِنَا...⁶⁸

... (Nabi mengajar saya) agar tidak memberikan upah kepada tukang sembelih dari mana-mana bahagian haiwan qurban. Baginda berkata: Kita berikannya dari harta kita sendiri.

Hadith ini menegah memberi upah dari mana-mana komponen haiwan qurban. Namun tukang sembelih boleh menerima upah dalam bentuk wang ringgit atau apa sahaja bentuk selagi ia bukan diambil dari mana-mana bahagian haiwan qurban.

68 Sahih Muslim, 2/954, No. Hadith 1317

30 | HUKUM PETUGAS PROGRAM QURBAN MENGAMBIL DAGING QURBAN



Adakah tukang lapah atau petugas program qurban boleh mengambil daging qurban?

Jawapan:

Petugas program qurban boleh mengambil daging qurban melalui agihan umum yang telah ditetapkan.

Adapun mengambil daging qurban atas nama upah terlibat dalam program tersebut, ianya tidak dibenarkan sama seperti isu tukang sembelih menerima upah sembelihan.

Mereka juga tidak boleh mengambil mana-mana bahagian daging qurban atas alasan mereka terbabit menguruskan haiwan Qurban. Malah, cara tersebut dikira mencuri dan hukumnya adalah haram.

Saidina Umar Al-Khattab menceritakan:

لَمَّا كَانَ يَوْمَ خَيْبَرَ، أَقْبَلَ نَفَرٌ مِنْ صَحَابَةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالُوا: فُلَانٌ شَهِيدٌ، فُلَانٌ شَهِيدٌ، حَتَّى مَرُّوا عَلَى رَجُلٍ، فَقَالُوا: فُلَانٌ شَهِيدٌ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كَلَّا، إِنِّي رَأَيْتُهُ فِي النَّارِ فِي بُرْدَةٍ غَلَّهَا أَوْ عَبَاءَةً⁶⁹

⁶⁹ Sahih Muslim, 1/107, No. Hadith 114

Setelah tamat perang Khaibar, beberapa sahabat Nabi s.a.w datang untuk melihat jenazah. Mereka berkata, "fulan ini mati syahid, fulan itu mati syahid..." hingga mereka menemui seorang lelaki dan berkata, "fulan ini juga mati syahid." Lalu Rasulullah s.a.w bersabda: "Tidak, sesungguhnya saya melihat ia berada di dalam neraka di sebabkan sehelai selendang atau jubah yang ia sorokkan."

Hadith ini memberi isyarat, seseorang yang sedang melakukan kebaikan atau membantu orang lain tetap tidak akan selamat dari azab Allah jika ia mencuri atau melakukan 'songlap' terhadap harta yang bukan miliknya.

Justeru, jangan mencuri daging qurban atau mengambilnya secara sembunyi-sembunyi. Harta haram boleh menyebabkan doa dan ibadah tidak diterima oleh Allah. Namun petugas program qurban boleh menerima upah jika ia diberikan dari sumber yang berasingan. Mereka juga boleh menerima daging Qurban atas nama agihan umum seperti mana ahli-ahli qaryah lain terima pada kadar agihan yang sama.

31 | CARA MENGAGIHKAN DAGING QURBAN



Bagaimana cara mengagihkan daging qurban?

Jawapan:

Cara mengagihkan daging qurban tertakluk kepada 2 jenis qurban yang dilaksanakan.

1. Qurban wajib atau qurban nazar.

Jika ia melibatkan qurban yang wajib, maka seluruh daging haiwan tersebut perlu disedekahkan kepada fakir dan miskin, sementara pelaksana qurban dan tanggungannya tidak boleh mengambil dan memakannya sedikit pun.

2. Qurban sunat

Jika ia qurban yang sunat, maka agihan yang paling afdhal ialah pelaksana qurban mengambil sedikit sahaja dari daging tersebut dan selebihnya diberikan kepada fakir dan miskin.

Selain itu, para ulama membenarkan agihan seperti berikut:

Cara 1	Cara 2	Cara 3
Mengambil 1/3 bahagian untuk dimakan, 1/3 kedua diagihkan kepada golongan fakir miskin dan 1/3 terakhir diberikan kepada jiran, sanak saudara atau sesiapa sahaja yang difikirkan sesuai.	ATAU Peserta qurban mengambil 2/3 bahagian daging qurban untuk kegunaan sendiri serta mengagihkan 1/3 yang berbaki kepada fakir dan miskin.	ATAU Peserta qurban mengambil kadar yang minima dari daging qurban dan bakinya diagihkan kepada fakir dan miskin.

Terdapat keluasan dalam cara agihan daging qurban sunat. Kita boleh memilih mana-mana kaedah yang dirasakan sesuai.

32 | HUKUM MEMBERIKAN DAGING QURBAN KEPADA ORANG BUKAN ISLAM



Bolehkah memberikan daging qurban kepada orang bukan Islam?

Jawapan:

Para ulama berbeza pandangan dalam perkara ini.

1. Mazhab Syafi'iy tidak membenarkan pemberian daging qurban kepada orang bukan Islam kerana ia merupakan sembelihan ibadah dan lebih wajar diberikan kepada orang Islam sahaja⁷⁰.
2. Majoriti ulama (Hanafi dan Hanbali) mengharuskannya lebih-lebih lagi jika orang bukan Islam itu kaum kerabat, jiran tetangga atau orang miskin kerana ia termasuk dalam perbuatan sedekah sunat.
3. Mazhab Maliki memakruhkannya melainkan jika orang bukan Islam tersebut merupakan tanggungan orang yang melaksanakan qurban.

Sekalipun ulama berbeza pandangan, agihan daging qurban perlu diutamakan kepada orang Islam, apatah lagi jika orang Islam masih ramai yang memerlukannya. Namun jika pemberian kepada orang bukan Islam boleh memberikan persepsi yang baik terhadap agama Islam, boleh mendekatkan mereka dengan agama Islam atau mewujudkan masalah dakwah, maka kita boleh mengikut pandangan ulama yang mengharuskan.

⁷⁰ Lihat Hashiyah Al-Bujairimi `Ala Al-Khatib, 4/339

33 | HUKUM MENJUAL KULIT, DAGING ATAU MANA-MANA BAHAGIAN HAIWAN QURBAN



Bolehkah menjual daging, kulit atau mana-mana bahagian dari haiwan qurban?

Jawapan:

Orang yang melaksanakan ibadah qurban, ditegah menjual mana-mana anggota dan bahagian haiwan qurban, berdasarkan hadith Nabi s.a.w yang menyebutkan:

مَنْ بَاعَ جِلْدَ أُضْحِيَّتِهِ فَلَا أُضْحِيَّةَ لَهُ ⁷¹

Sesiapa yang menjual kulit haiwan qurbannya, maka tiadalah ibadah qurban untuknya.

Ulama menghuraikan hadith ini dengan berkata:

لَا يَحْضُلُ لَهُ الثَّوَابُ الْمَوْعُودُ لِلْمُضْحِي عَلَى أُضْحِيَّتِهِ، فَبَيْعُ جِلْدِهَا
حَرَامٌ وَكَذَا إِعْطَاؤُهُ الْجَزَّارَ ⁷²

Tidak terhasil pahala yang dijanjikan untuk peserta qurban. Justeru menjual kulitnya adalah haram, demikian juga memberikannya kepada tukang sembelih (atas nama upah).

71 Al-Mustadrak `Ala As-Sahihain, 2/422

72 At-Taisir Bi Syarh Al-Jami` As-Saghir, 2/407

Justeru bahagian-bahagian anggota haiwan tersebut boleh dimanfaatkan oleh pelaksana qurban atau disedekahkan kepada sesiapa yang mahu memanfaatkannya.

Tegahan ini turut merangkumi daging, tulang, tanduk, kulit, bulu dan mana-mana anggota haiwan qurban⁷³. Bagi mereka yang sudah terlanjur menjualnya, ia hendaklah menyedekahkan duit jualan tersebut kepada golongan fakir dan miskin⁷⁴.

73 Al-Majmu` Syarh Al-Muhazzab, 8/419 – 42

74 Portal Majlis Fatwa Jordan, <https://www.aliftaa.jo/Question2.aspx?Question-Id=3580#.YYHstmBBxAk>, diakses pada 3 November 2021

34 | IBADAH QURBAN DI LUAR NEGARA



Bolehkah saya melakukan ibadah qurban di luar negara?

Jawapan:

Hukum asal qurban ialah ia sunat dilakukan di lokasi tempat tinggal pelaksana Qurban kerana ia dapat menegakkan syiar qurban di lokasi berkenaan serta mengagihkan daging kepada golongan fakir miskin tempatan.

Namun terdapat fatwa di kurun ke-18 hijrah yang mengharuskan pelaksanaan Qurban dan juga Aqiqah secara wakil di Mekah, sedangkan pelaksanaannya tinggal di Tanah Melayu⁷⁵. Demikian juga para ulama semasa⁷⁶ mengharuskan pelaksanaan qurban di luar negara khususnya di negara-negara umat Islam yang mengalami kemiskinan dan kelaparan disebabkan krisis peperangan, bencana alam atau seumpamanya.

Justeru, melaksanakan qurban di luar negara termasuk dalam kategori menghulurkan bantuan kemanusiaan dan meringankan beban emosi mereka yang sedang menghadapi krisis bekalan makanan.

Namun mereka yang mahu menyertai program qurban di luar negara, perlu menyelidik pihak penganjur dengan memeriksa cara pengoperasian program mereka melalui laman-

75 Lihat I`**anah At-Talibin `Ala Halli Alfaz Fath Al-Mu`in**, 2/381

76 Portal **International Islamic Charity Organization**, <https://www.iico.org/en/news-ar/odhya.html>, diakses pada 1 Nov 2021

laman web berkaitan, meneliti keabsahan program tersebut, serta memastikan pelaksanaan program terbabit benar-benar patuh Syariah agar ibadah Qurban yang disertai sah di sisi syarak serta tidak menjadi mangsa penipuan pihak yang tidak bertanggungjawab.

35 | KOS IBADAH QURBAN DITANGGUNG OLEH MASJID DAN SURAU



Bolehkah masjid atau surau mengeluarkan peruntukan duit membiayai kos qurban untuk golongan fakir dan miskin?

Jawapan:

Secara amnya, duit sumbangan dan derma orang ramai kepada masjid dan surau didermakan untuk tujuan kos selenggara, bayaran bil elektrik, air, pengurusan program atau apa-apa yang bersangkutan dengan pengurusan dan pengimarahannya masjid.

Justeru, perbelanjaan duit masjid perlu mengikut tujuan yang telah dimaklumkan kepada orang ramai. Pihak AJK masjid atau surau tidak berhak menukar fungsi duit tersebut kepada tujuan yang lain.

Sebuah fatwa dari negara Jordan menetapkan:

التَّبَرُّعَاتُ الَّتِي تُجْمَعُ لِغَرَضٍ مُعَيَّنٍ، لَا يَجُوزُ أَنْ تُصْرَفَ فِي
غَيْرِ ذَلِكَ الْغَرَضِ⁷⁷ .

Duit derma yang dikumpulkan untuk tujuan yang tertentu, tidak boleh dibelanjakan untuk selain dari tujuan tersebut.

77 Portal Majlis Fatwa Jordan, <https://www.aliftaa.jo/Question.aspx?Question-Id=2693#.Yiq2vnpBy5c>, diakses pada 11 Mac 2022

Justeru, penggunaan duit untuk tajaan qurban sudah dikira terkeluar dari tujuan asal ia dikutip serta menyanggahi *urf* semasa. Jalan penyelesaian bagi isu ini ialah pihak masjid atau surau boleh membuat kempen derma khas untuk tajaan qurban di kalangan fakir dan miskin.

36 | HIMPUN DUIT UNTUK ORANG LAIN LAKUKAN QURBAN



Saya dan adik-adik kumpulkan duit. Kemudian duit itu diserahkan kepada ibu untuk ia lakukan qurban. Adakah amalan seperti ini dibolehkan?

Jawapan:

Ini satu amalan yang terpuji kerana ia dapat menghidupkan syiar qurban di musim Raya Haji. Saudara dan adik beradik yang lain telah bekerjasama melakukan kebaikan agar ibu dapat melaksanakan ketaatan. Justeru ia adalah amalan yang disukai oleh Allah s.w.t kerana Allah berfirman:

78 *وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَى*

Dan hendaklah kamu bantu-membantu untuk membuat kebajikan dan taqwa.

Dalam situasi ini, pelaku ibadah qurban adalah si ibu. Ibu akan mendapat pahala qurban, insya Allah. Manakala anak-anak mendapat pahala bersedekah duit dan bekerjasama dalam perkara kebaikan dan taqwa.

Di peringkat keluarga, ke semua ahli keluarga terbabit berkongsi pahala ibadah qurban jika si ibu meniatkan kongsi pahala dengan mereka. Dengan kaedah ini, pelaksana qurban boleh ditentukan secara bergilir saban tahun dan amalan bersedekah secara berjemaah yang dilakukan dapat menyemarakkan nilai silaturrahim dalam keluarga.

78 Surah Al-Maidah: 2

37 | MENERIMA HAIWAN QURBAN DARI ORANG BUKAN ISLAM



Apakah boleh menerima haiwan ternakan dari orang bukan Islam di musim qurban?

Jawapan:

Secara amnya, tiada dalil yang menegah orang Islam menerima apa-apa pemberian dari orang bukan Islam selagi pemberian tersebut bukan dari sumber yang haram. Malah Rasulullah s.a.w pernah menerima pemberian dari seorang wanita beragama yahudi dan beberapa orang raja yang tidak beragama Islam⁷⁹.

Justeru, menerima haiwan seperti lembu atau kambing dari orang bukan Islam adalah harus dan halal.

Dalam konteks qurban, haiwan yang diberikan, belum lagi dikira sebagai ibadah qurban. Ia adalah hibah atau hadiah kepada pihak penerima.

Jika penerima tersebut merupakan individu, ia boleh terus meniatkan qurban setelah menerima haiwan tersebut.

Jika penerima tersebut adalah masjid atau surau, pihak AJK masjid atau surau boleh memilikkannya (tamlik) haiwan tersebut kepada 7 orang peserta qurban terpilih (jika haiwan tersebut adalah lembu). Atau kepada seorang peserta qurban sahaja (jika haiwan tersebut adalah kambing atau biri-biri).

⁷⁹ Lihat **Sahih Al-Bukhari**, Bab Qabul Al-Hadiyyah Min Al-Musyrikin, 2/922

Pihak AJK juga perlu memaklumkan kepada peserta terbabit, bahawa mereka adalah peserta qurban pada haiwan tersebut agar mereka boleh berniat qurban ketika menerima pemilikan tersebut.

38 | MENERIMA HAIWAN QURBAN DARI ORANG POLITIK, SYARIKAT ATAU NGO



Apakah status haiwan yang disedekahkan oleh YB kawasan, syarikat atau NGO kepada pihak masjid dan surau? Bolehkah ia dibuat ibadah qurban?

Jawapan:

Jika haiwan ternakan yang diberi oleh ahli politik kawasan, syarikat atau NGO di musim Raya Haji adalah bertujuan untuk memeriahkan lagi ibadah qurban di sesuatu masjid atau surau, maka ia boleh dijadikan qurban.

Namun peserta qurban untuk haiwan terbabit belum ada. Dalam hal ini, setelah menerima haiwan tersebut, pihak masjid boleh memilikkannya (tamlik) kepada peserta qurban tertentu di kalangan fakir atau miskin dalam qaryah tersebut atau siapa sahaja yang dirasakan sesuai.

Cara memilikkan haiwan tersebut adalah dengan memaklumkan kepada peserta berkenaan bahawa 1/7 dari lembu tersebut diberikan kepadanya untuk tujuan ibadah qurban, selain memaklumkan kewajipan berniat qurban kepada peserta terbabit.

39 | ADAKAH PENERIMA DAGING QURBAN BOLEH MENJUAL DAGING QURBAN?



Seorang lelaki telah menerima banyak daging qurban dari pelbagai pihak. Adakah ia boleh menjual sebahagiannya kepada orang lain?

Jawapan:

Boleh atau tidak seseorang itu menjual daging qurban adalah tergantung kepada status ekonomi semasanya. Hal ini kerana agihan daging qurban ada 2 jenis, iaitu:

- 1) Agihan hadiah dan jamuan makan.
- 2) Agihan sedekah dan pemilikan kekal.

1. Jika seseorang itu termasuk di kalangan orang yang cukup harta, maka pemberian daging qurban kepadanya adalah dikira sebagai hadiah dan jamuan makan (it`am)⁸⁰. Justeru, penerima tidak boleh menjual daging qurban tersebut kepada orang lain, sebaliknya ia hanya dibenarkan makan, menyimpan atau memberikan daging tersebut kepada orang lain.

Hukum ini terpakai kepada penerima di kalangan jiran tetangga, adik beradik dan rakan taulan yang bukan di kalangan golongan asnaf.

⁸⁰ Maksudnya, jika kita hadir kenduri, kita hanya berhak memakan makanan seperti yang disediakan sahaja. Kita tidak boleh membawa balik makanan tersebut atau menjualnya kepada orang lain kerana makanan tersebut diberikan hanya untuk dijamu sahaja.

2. Namun jika penerima merupakan seorang asnaf fakir atau miskin, maka status daging qurban yang diberikan kepadanya dikira sebagai sedekah dan pemberian hak milik kekal (tamlik). Justeru, ia bebas mengurus daging tersebut dalam bentuk makan, menyimpan atau menjual daging tersebut jika ia memerlukan wang⁸¹. Ini kerana penerima merupakan golongan yang miskin, justeru syarak memberikan mereka kelonggaran untuk menjualnya jika mereka memerlukannya.

81 Lihat Hashiyata Qalyubi Wa Umairah, 4/255 dan Al-Majmu` Syarh Al-Muhazzab, 8/415

40 | HAIWAN QURBAN HILANG KELAYAKAN SEBELUM DISEMBELIH



Kami membeli haiwan qurban dan menambatnya di masjid beberapa hari sebelum tiba hari raya qurban. Namun beberapa jam sebelum ia disembelih, haiwan tersebut telah terlepas dari tambatan dan kakinya terputus kerana dilanggar kenderaan. Adakah haiwan tersebut masih boleh dijadikan qurban?

Jawapan:

Haiwan qurban yang telah dimiliki dalam keadaan sempurna, namun mengalami keaiban dalam tempoh menanti tibanya hari raya Qurban, perlu dilihat dalam 2 keadaan.

Keadaan 1: Jika keaiban tersebut berlaku tanpa unsur kecuaiian, maka majoriti ulama membenarkan qurban tersebut diteruskan dan keaiban tersebut dimaafkan⁸².

Dalilnya ialah kata-kata Abu Said Al-Khudri dalam sebuah hadith:

اشْتَرَيْتُ كَبْشًا أَضْحِي بِهِ، فَعَدَا الذِّئْبُ فَأَخَذَ الْأَيْتَةَ .
قَالَ: فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: ضَحَّ بِهِ.⁸³

Saya telah membeli seekor biri-biri untuk ibadah qurban. Lalu seekor serigala telah menyerang dan memakan lemak di bahagian pinggul

82 Al-Mufasssal Fi Ahkam Al-Udhiyyah, 83

83 Musnad Ahmad, No. Hadith 11274

biri-biri tersebut. Saya bertanya kepada Nabi s.a.w tentang demikian. Baginda menjawab: "Lakukan qurban biri-biri tersebut."

Kedaaan 2: Jika keaiban tersebut berlaku dengan kecuiaan peserta qurban⁸⁴, maka ia perlu menggantikannya dengan haiwan yang baru⁸⁵.

Haiwan tersebut dikira tidak layak untuk dijadikan qurban, tapi masih boleh disembelih dengan tujuan makan, kenduri, agihan daging dan sebagainya.

Jika saudara mendapati insiden ini berlaku tanpa unsur kecuiaan, saudara boleh meneruskan sembelihan haiwan qurban tersebut seperti yang telah dijelaskan di atas.

84 Seperti haiwan tersebut dibiarkan tidak ditambat, atau ia ditambat berhampiran dengan lokasi yang berbahaya dan seumpamanya.

85 *Min Ahkam Al-Udhiyyah Fi Al-Fiqh Al-Islami – Dirasah Muqaranah*, 10.

41 | HAIWAN QURBAN MATI SEBELUM DISEMBELIH



Saya telah membeli haiwan qurban. Namun belum sempat hari qurban tiba, haiwan tersebut mati kerana lehernya terjerut. Apa yang perlu saya lakukan?

Jawapan:

Haiwan qurban yang mati sebelum ia sempat disembelih boleh berlaku dalam 3 keadaan.

Keadaan 1 - Qurban Sunat

Jika ia berlaku dalam qurban sunat, pemilik qurban tidak diwajibkan menggantikannya dengan haiwan qurban yang baharu, sama ada haiwan tersebut mati disebabkan kecuaiannya atau tidak.

Namun jika pemilik qurban masih mampu untuk melaksanakan qurban yang baru, ia digalakkan berbuat demikian.

Keadaan 2 - Qurban Nazar Haiwan Yang Khusus (Mu`ayyan)

Jika ia melibatkan qurban nazar ke atas haiwan yang telah dikhususkan (spesifik), perinciannya adalah seperti berikut:

- a. Jika haiwan qurban tersebut mati, melarikan diri atau dicuri (serta gagal dijejaki) bukan disebabkan kecuaiannya, maka pelaku qurban tidak wajib menggantikannya dengan haiwan yang baru.

b. Dalam situasi ini, haiwan yang tidak sempat diqurbankan akan dimaafkan dari tanggungjawab pelakunya kerana kewajipan tersebut sudah ditetapkan ke atas haiwan yang spesifik. Justeru, ketiadaan/kehilangan haiwan tersebut turut membawa pergi tanggungjawab nazar terbabit.

c. Namun jika hal-hal tersebut berlaku disebabkan kecuaiannya pelaku nazar, maka ia wajib menggantikannya dengan haiwan qurban baharu dengan nilai yang setara disebabkan kecuaiannya.

d. Demikian juga jika pelaku nazar sengaja melengahkan sembelihan qurban setelah tiba waktunya hingga haiwan itu mati, melarikan diri atau dicuri (serta gagal dijejaki). Dalam situasi ini, pelaku nazar perlu mencari haiwan qurban yang baharu dengan nilai yang sama⁸⁶.

Kedadaan 3 – Qurban Nazar Terbuka (Fi Az-Zimmah)

Jika nazar telah dilafazkan, namun haiwan qurban belum ditetapkan, ia menjadi 'nazar terbuka'. Pelakunya boleh memilih mana-mana haiwan ternakan yang mahu dijadikan qurban. Perinciannya adalah seperti berikut:

a. Jika penazar telah menentukan haiwan qurban, lalu haiwan tersebut mati, melarikan diri atau dicuri (dan gagal dijejaki), maka penazar tersebut wajib menggantikannya dengan haiwan qurban yang baharu. Hukum ini merangkumi situasi yang disebabkan kecuaiannya atau tidak.

b. Hal ini kerana nazar yang terbuka dan tidak spesifik akan terus kekal berada dalam tanggungjawab (zimmah) pelaku nazar selagi nazarnya belum terlaksana⁸⁷. Kematian

⁸⁶ Lihat Mukhtasar Tuhfat Al-Muhtaj, 4/314 – 315

⁸⁷ Lihat Mukhtasar Tuhfat Al-Muhtaj, 4/316

atau kehilangan haiwan qurban tidak menamatkan kewajipan qurbannya. Justeru, penazar wajib mencari haiwan yang baharu dan melunaskan kewajipan ibadah qurban tersebut.